

050001672

PELAJAR institusi pengajian tinggi perlu bijak memilih kursus dan mengimbangi beban akademik yang perlu ditanggung pada setiap semester supaya Purata Nilai Gred (PNG) mereka sentiasa melebihi 3.0.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardiae, berkata pemilihan kursus atau mata pelajaran yang betul dengan jumlah jam kredit yang wajar akan membolehkan pelajar mendapat pangkat tinggi, sekali gus mencatat PNG cemerlang.

Katanya, pelajar universiti itu ditetapkan mengambil sekurang-kurangnya 12 jam kredit atau maksimum 18 jam kredit setiap semester.

Beliau berkata, kebanyakan pelajar mengambil seberapa banyak kursus yang dibenarkan supaya dapat menamatkan pengajian dengan cepat, tetapi beban akademik yang berat menyebabkan PNG diperolehi sangat rendah.

"Pihak universiti mahu pelajar mengambil beberapa kursus dengan jumlah jam kredit yang wajar, seperti 14 atau 15 jam kredit pada setiap semester, supaya mereka dapat keputusan cemerlang."

"Mungkin pelajar ini terlewat satu atau dua semester sebelum menamatkan pengajian, tetapi akhirnya PNG Kumulatif (PNGK) mereka melebihi 3.5 dan mendapat ijazah kelas pertama."

"Ijazah yang membuktikan kecermerlangan ini penting untuk graduan mendapat pekerjaan baik dan menjadi kerjaya mereka untuk tempoh 25 atau 30 tahun selepas itu," katanya.

Dr Mohd Zohadie berkata, UPM mengadakan taklimat khas untuk pelajar baru setiap sesi akademik supaya mereka faham kaedah pengiraan PNG dan cara mendapatkan keputusan cemerlang.

Untuk pelajar sedia ada, katanya, universiti itu mengadakan sistem pembimbing akademik, iaitu setiap pensyarah menge-



ZOHADIE... bijak pilih.

tuai sekumpulan pelajar sebagai penasihat akademik.

Beliau berkata, universiti itu berhasrat meningkatkan jumlah pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama dan mengurangkan bilangan yang gagal atau mendapat ijazah kelas ketiga.

"Daripada 6,357 graduan pada 2001, hanya 1.18 peratus atau 75 graduan mendapat ijazah kepujian kelas pertama, tetapi 5.42 peratus atau seramai 345 lulus dengan kelas ketiga.

"Tahun lalu pula, 113 atau 1.69 peratus daripada 6,694 graduan mendapat ijazah kelas pertama, manakala 446 atau 6.67 peratus kelas ketiga. Jumlah pelajar mendapat kelas pertama amat rendah, terutama di kalangan Bumiputera," katanya.

Bijak pilih kursus catat PNG tinggi

Beban akademik berat menyebabkan PNG diperolehi sangat rendah

Dr Mohd Zohadie berkata, UPM akan menambah pensyarah supaya nisbah antara tenaga pengajar dengan pelajar lebih rendah, iaitu 1:12 dan proses pendidikan dapat berlaku dengan lebih baik.

Katanya, ketika ini fakulti yang mempunyai nisbah hamipir dengan purata itu ialah Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Pertanian, manakala Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Fakulti Pendidikan, agak tinggi, iaitu 1:18. Bagaimanapun, bagi Fakulti Perubatan, nisbahnya ialah 1:5.

Tambah pensyarah

Menurutnya, untuk menambah jumlah pensyarah, tahun lalu UPM mengambil 32 pensyarah, 13 pensyarah perubatan dan 111 tutor.

"Selain menambah jumlah pensyarah, UPM juga meningkatkan mutu pensyarah dengan hanya mengambil graduan kelas pertama atau kelas kedua tinggi sebagai tutor," katanya.

Dalam pada itu, katanya, UPM juga menetapkan misinya untuk terus memberikan sumbangan bukan saja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu, tetapi juga pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

"UPM menetapkan lapan matlamat bagi merealisasikan wawasannya. Setiap matlamat itu dalam bentuk yang boleh diukur pencapaiannya.

"Matlamat itu ialah melahirkan graduan bermutu, berdaya saing dan berupaya terus maju melalui pembelajaran berterusan.

"UPM juga menetapkan matlamat keduanya menjadi universiti terkemuka di bidang penyelidikan, meningkatkan keupayaan sebagai pusat pembelajaran dan penjanaan ilmu serta teknologi pertanian," katanya.

Di samping itu, UPM berusaha memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan berkesan, telus dan mesra pelanggan serta membangunkan sumber manusia serta persekitaran profesional yang cemerlang.

Untuk itu, UPM ada 13 fakulti memuatkan kira-kira 56,000 pelajar pelbagai peringkat kursus, termasuk diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan Ijazah Falsafah Kedoktoran.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi menawarkan kursus pelbagai bahasa dan linguistik, termasuk bahasa Melayu, Inggeris, Kesusastraan Melayu dan Inggeris.